

MAJLIS HAPPY HOUR INSKEP



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4944-majlis-happy-hour-inskep

TANJUNG BUNGAH, 30 April 19 - Wisma Bintara Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) telah menganjurkan Happy Hour INSKEP di Dewan Terbuka INSKEP. Pegawai Memerintah INSKEP Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM, pegawai-pegawai INSKEP, Staf INSKEP, Penuntut Kursus ,Senior Trainer Course Siri 30/19, dan Penuntut Kursus ,Junior Officer Course Siri 6/19, turut hadir di majlis tersebut.

Antara aktiviti yang diadakan adalah permainan indoor game iaitu Gusti Lengan, Sepak Penalti Kertas, Bingo, Limbo, Flip Cup dan Susun Gambar. Selain itu, Pegawai Memerintah INSKEP turut menyampaikan Sijil Penghargaan kepada Pemain Takraw Veteran INSKEP yang menjadi Johan di Peringkat TUDM, Peserta Tilawah Al- Quran Peringkat Zon Utara, Pemain Bowling yang mendapat Naib Johan Antara Seksyen Pu Butterworth, Peserta INSKEP BMI Challenge (IBC), Staf yang menyambut hari lahir pada Bulan April dan sumbangan kepada ahli keluarga staf KOMATRA yang terlibat dalam kemalangan. Aktiviti sebegini adalah bertujuan bagi mengimbangi waktu kerja dan waktu riadah disamping merapatkan hubungan sesama anggota selari dengan Nilai Teras TUDM yang ke 4 iaitu ‘Esprit de corp’.

Pegawai Memerintah INSKEP mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga INSKEP yang hadir kerana dapat meluangkan masa dan menjayakan aktiviti seperti ini walaupun sibuk dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.



